

17 APR 1998

Lim-Ekonomi

MCA YAKIN KEGAWATAN EKONOMI PULIH DALAM TEMPOH TERDEKAT

KOTA BAHARU, 17 April (Bernama) -- Parti MCA yakin dan meramalkan kegawatan ekonomi negara akan pulih semula dalam tempoh terdekat berikutan langkah-langkah berkesan yang diambil kerajaan dan komitmen rakyat dalam menangani masalah itu.

Timbalan Presiden MCA Datuk Lim Ah Lek berkata, MCA akan meneruskan usaha memperhebatkan gerakan menyemai semangat cintakan negara di kalangan rakyat semoga mereka sanggup berkorban untuk memulihkan ekonomi.

"Usaha kerajaan untuk memulihkan semula kegawatan ekonomi tidak akan tercapai sekiranya rakyat tidak memberi sokongan sepenuhnya," katanya pada persidangan berita selepas merasmikan mesyuarat agung Badan Perhubungan MCA Kelantan di sini, hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini telah menyatakan keyakinannya bahwa ekonomi negara akan pulih ke tahap sederhana dalam jangka masa antara enam bulan dan satu tahun jika rakyat lebih berdisiplin dan menunjukkan kesetiaan terhadap negara.

Lim yang juga Menteri Sumber Manusia berkata, MCA akan menganjurkan satu lagi program baru iaitu persembahan budaya oleh seniman tempatan pada hujung Mei ini, untuk menambah lagi semangat cintakan negara di kalangan rakyat.

Beliau berkata, Dr Mahathir akan melancarkan program itu yang akan diadakan di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.

Sebelum ini, Lim berkata MCA telah menganjurkan beberapa program untuk membantu memulihkan kegawatan ekonomi negara iaitu pemimpin-pemimpin MCA dan persatuan-persatuan Cina mengadakan lawatan ke semua negeri untuk memberi penerangan tentang masalah itu, langkah yang diambil kerajaan dan apa yang perlu rakyat lakukan, sebaik sahaja negara dilanda masalah itu.

Pemuda MCA pula telah menganjurkan kempen cintai negara dan belilah barangan Malaysia yang mendapat sambutan yang menggalakkan, katanya.

MCA telah mengadakan sembilan perhimpunan wanita di seluruh negara membabitkan kira-kira 60,000 wanita bagi mendengar taklimat dan melaksanakan langkah-langkah memulihkan kegawatan ekonomi termasuk berbelanja secara berhemah.

Bagaimanapun sekarang rakyat perlu lebih bijak dalam berbelanja berikutan peningkatan harga barangan harian termasuk bertindak memulau penjualan barangan yang harganya dinaikkan pada tahap yang tidak munasabah, katanya.

Turut hadir ialah Naib Presiden MCA Datuk Chua Jui Meng dan Setiausaha Agung MCA Datuk Dr Ting Chew Peh. --BERNAMA

BD PR